

الْأَوْلَادُ Auladuna

2022(UP) 600-002/042(41)



فوسنة دعوة اسلامية

مركز الدعوة الإسلامية

ISLAMIC DA'WAH CENTRE

Bil: 41

Rukun Iman



Tips
Menghafaz
Al-Qur'an **7**

Peristiwa Perletakan
Semula Hajar Al-Aswad **12**

Rukun Iman **19**



Kandungan Auladuna

KALAM AULADUNA	3
ASMA'UL HUSNA	4
KISAH TELADAN	5
PENGENALAN SURAH	6
PEKERTI AULADUNA	7
ADAB ISLAMI	8
KAMUS 3 BAHASA	9
KAMUS BRUNEI	10
PERAMBAHAN BRUNEI	11

INGIN TAHU	12
BINA PERKATAAN	13
IBADAT	14
BELAJAR BAHASA ARAB	15
ASAH MINDA	16
GAMBAR TERSEMBOUNYI	17
TEKA SILANG KATA	18
INFO RUKUN IMAN	19
DOA	20

Anggota Redaksi

EDITOR

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

PENOLONG EDITOR

Hajah Suriyati binti Haji Ahmad

SUSUN ATUR & REKA BENTUK
Dahlan bin Chuchu

PENYELARAS

Dayang Hayatun Syakirah
binti Hj. Awang Abd. Ghani

PEMBAHAGI MAJALAH
Pg. Muhammad Rafiuddin bin Pg. Haji Badaruddin
Nurul Nabilah binti Masri

PEMBANTU PENYELARAS

Qairunnisa binti Haji Jalil
Md. Zelihan bin Ahad
Hjh. Ratna Watie binti Hj. Abd. Karim
Rokiah binti Hj. Mohd. Serudin
Azizah binti Hidup
Suriati binti Haji Ali Hussain



RUKUN IMAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Anak-anak, selain rukun Islam yang perlu kita ketahui dan amalkan, kita juga wajib mengetahui dan percaya rukun iman. Berbeza dengan rukun Islam yang wajib dikerjakan secara zahir. Rukun iman ini hanya perlu diyakini dan dipercayai. Sesuai dengan maksud perkataan iman iaitu kepercayaan atau dasar keyakinan.

Ketahuilah anak-anak bahawa rukun iman itu terdiri daripada enam perkara iaitu:

- 1 Percaya kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*
- 2 Percaya kepada malaikat
- 3 Percaya kepada kitab-kitab Allah
- 4 Percaya kepada nabi-nabi dan rasul-rasul Allah
- 5 Percaya kepada hari kiamat
- 6 Percaya kepada qadha dan qadar

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 285 yang mafhumnya: ***Rasulullah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya dan begitu juga orang-orang yang beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya...***



AL-WASI'

Ertinya
Maha Luas

الْوَاسِعُ

AL-WASI' bererti Yang luas ilmu-Nya meliputi tiap-tiap sesuatu atau meluaskan pemberian, kebaikan (ihsan), pengampunan, rahmat, kekuasaan dan hikmat-Nya bagi setiap keperluan hamba-Nya.


Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah an-Nisaa' ayat 60 yang mafhumnya:

...Dan Allah adalah sangat luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Bijaksana.

Antara keistimewaan yang terdapat pada nama ini ialah dengan menggunakan nama ini sebagai zikir dapat memberikan faedah yang banyak, khususnya dalam memohon supaya diluaskan rezeki serta dibukakan pintu-pintu kebaikan dan kebahagiaan.

Kisah Teladan

Auladuna Bil.41



Abu Ubaidah al-Jarrah

Abu Ubaidah merupakan salah seorang sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang sama-sama memperjuangkan Islam. Beliau sering ditugaskan oleh Rasulullah untuk mengetuai misi ketenteraan dan da'wah.

Abu Ubaidah mempunyai perwatakan yang tinggi lampai, kurus, bermuka ceria, amat pemalu tetapi mudah mesra, tawadhu'serta selalu merendah diri dan sangat amanah. Beliau telah memeluk Islam sehari selepas Islamnya Abu Bakar ash-Shiddiq dan merupakan salah seorang sahabat Rasulullah yang dijamin masuk syurga.

Selama hidupnya, Abu Ubaidah bin al-Jarah mengorbankan sebahagian harta kekayaannya di dalam perjuangan menentang musuh Islam. Semuanya dilakukan semata-mata untuk bersama-sama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Beliau wafat di negeri Jordan di wilayah Syam iaitu ketika usianya lima puluh lapan tahun. Wafatnya adalah sebagai seorang syuhada kerana wabak penyakit Taun.



Pengenalan Surah

Auladuna Bil.41

SURAH AL-KAUTSAR

سُورَةُ الْكَوْثَرِ

Surah ke 108 Al-Kautsar bermaksud ni'mat yang banyak

Surah ini adalah surah terpendek di dalam al-Qur'an yang hanya mengandungi tiga ayat.

Al-Kautsar juga merupakan nama sebuah sungai di dalam syurga. Sungai tersebut diperbuat daripada batu permata yang sangat indah. Airnya sangat bersih dan warnanya lebih putih daripada air susu, rasanya lebih manis daripada madu serta baunya yang lebih harum daripada bau kasturi.

Pada ayat pertama surah ini, Allah menegaskan bahawa Dia telah mengurniakan Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dengan ni'mat yang banyak dan berterusan sama ada di dunia dan di akhirat.

Dalam ayat kedua, Allah telah memerintahkan Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan umat baginda untuk mengerjakan sembahyang dengan ikhlas dan menyembelih binatang korban untuk mendapatkan keredhaan Allah. Ibadah tersebut dikerjakan sebagai tanda mensyukuri ni'mat yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juga telah menegaskan dalam ayat yang terakhir bahawa musuh-musuh Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* itu akan mendapat kehinaan dan terputus daripada segala kebaikan dunia dan akhirat.


Pekerti Auladuna

Auladuna Bil.41

TIPS MENGHAFAZ AL-QUR'AN

- 1 Menetapkan dan meluruskan niat
- 2 Tinggalkan maksiat dan perkara yang dimurkai oleh Allah.
- 3 Mendirikan sembahyang sunat Hajat agar diper mudahkan untuk menghafaz.
- 4 Meminta restu dan doa dari orang tua dan guru.
- 5 Memperbaiki bacaan dengan disemak oleh orang yang fasih dan berilmu.
- 6 Menjadikan al-Qur'an sebagai bacaan harian.
- 7 Menggunakan mushaf al-Qur'an yang sama agar memudahkan hafalan.
- 8 Sentiasa mengulang bacaan.
- 9 Memperbanyak mendengar bacaan al-Qur'an.
- 10 Membuat jadual hafalan.





Adab Islami

Auladuna Bil.41

ADAB MENZIARAH PESAKIT

1

Perbetulkan niat menziarahi seperti yang diajarkan oleh Rasulullah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam.*

2

Memberi nasihat agar pesakit bersabar dan tabah dalam menghadapi ujian.

3

Bertanya mengenai keperluan, kesulitan dan masalah pesakit untuk mengurangi bebaninya.

4

Sampaikan berita baik untuk menghibur dan menaikkan semangat pesakit.

5

Singkatkan dan jarakkan waktu ziarah.


6

Doakan kesembuhan pesakit.



Kamus 3 Bahasa

Auladuna Bil.41



**BAHASA MELAYU,
BAHASA INGGERIS &
BAHASA ARAB**

**RINGKAS
CONCISE**

مُلْكَّص

**SESUAI
CONDUSIVE**

مُنَاسِب

**BAHAYA
DANGER**

خَطِير

**SAMAR
VAGUE**

مُبَهَّم





Kamus Brunei

Auladuna Bil.41

DAMING

Ertinya kecil.

Contoh Ayat:

Daming badannya si Milah atu walaupun ia yang tua dari si Ramlah.

MEMURANCAH

Ertinya Tidur.

Contoh Ayat:

asal balik ke rumah **memurancalah** nganya kerajanya.

SANYAM


Ertinya diam atau sunyi.

Contoh Ayat:

tunggu tah kedia tidur baru tah **sanyam** tu.

Perambahan Brunei

Auladuna Bil.41



INJIN PAPAK

Ertinya:

Gigi.

Contoh Ayat:

Adik hanya boleh memakan bubur kerana injin papaknya belum tumbuh.

MACAM AMBUK DI TUNJANG

Ertinya:

Orang yang suka berangan-angan tanpa berusaha.

Contoh Ayat:

Mat Jenin ialah seorang lelaki yang macam ambuk di tunjang.


AMPAR KAJANG

Ertinya:

Jatuh terlentang akibat dipukul atau tergelincir.

Contoh Ayat:

Syazwan ampar kajang kerana lantai itu terlalu licin terkena air hujan.



Ingin Tahu

Auladuna Bil.41


Peristiwa Perletakan Semula Hajar al-Aswad

Ketika Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* berusia 35 tahun, Kota Mekah telah dilanda banjir besar hingga meruntuhkan Ka'bah. Para Qabilah Arab berpaktat untuk menyumbangkan tenaga mereka bersama kaumnya untuk membina semula Ka'bah.


Perselisihan faham dan pertelingkahan berlaku selama beberapa hari hingga hampir tercetus untuk menentukan siapa yang lebih berhak meletakkan Hajar al-Aswad ke tempa asalnya.

Sebagai penyelesaian, mereka sebulat suara menyetujui cadangan Abu Ummaiyah al-Mahzumi untuk melantik orang yang pertama memasuki pintu bani Syaibah menjadi hakim. Telah ditakdirkan orang yang pertama memasuki pintu itu ialah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan di situlah baginda mendapat gelaran al-Amin yang bermaksud orang yang dipercayai.

Dengan kebijaksanaan Rasulullah, baginda menghamparkan kain serbannya lalu meletakkan Hajar al-Aswad di atasnya. Baginda pun memanggil setiap seorang ketua Qabilah yang hadir untuk memegang setiap penjuru kain tersebut dan mengangkatnya bersama-sama menghampiri Ka'bah. Akhirnya baginda mengambil Hajar al-Aswad itu dan meletakkannya di tempat asalnya.



Cuba bina 14 perkataan
daripada perkataan di bawah ini



KEPERCAYAAN

JAWAPAN BIL. 40

Anak, Baja, Baka, Basi,
Bina, Jasa, Kaji, Kaki, Nas,
Sana, Bajak, Bijak, Bijan,
Bekas





Ibadat

Auladuna Bil.41



Najis yang Menjadi Suci dan Najis yang dimaafkan


Najis ialah benda-benda kotor dan jijik yang menyebabkan tidak sah melakukan ibadat seperti sembahyang. Najis itu terbahagi kepada tiga iaitu najis mukhaffafah (najis ringan), najis mutawassithah (najis sederhana) dan najis mughallazhah (najis berat). Walau bagaimanapun ada juga najis yang boleh menjadi suci dan dimaafkan.

Najis yang boleh menjadi suci itu terbahagi kepada tiga iaitu:

- Kulit bangkai yang sudah disamak melainkan kulit anjing dan babi.
- Benda yang telah menjadi binatang seperti ulat daripada bangkai.
- Arak apabila menjadi cuka dengan sendirinya.

Najis yang dimaafkan ialah seperti:

- Bangkai yang tidak mengalirkan darahnya jika binatang itu dibelah ketika hidup seperti cicak.
- Darah yang sedikit.
- Nanah yang sedikit.
- Muntah yang sedikit.
- Najis halus yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar seperti najis yang ada di kaki lalat.



Belajar Bahasa Arab

Auladuna Bil.41



Baca, Tulis dan Warnakan Gambar



		ي	ا	ط

طيار


JURUTERBANG



م	ع	ل	م	ة

معلمة

GURU



ش	ر	ط	ي

شرطي

POLIS

Asah Minda

Auladuna Bil.41

Cuba cari perkataan yang dieja dalam huruf jawi di bawah ini. Selamat mencuba

ه	س	م	ا	ح	ب	ا	ت	ك	ق
و	م	ل	ا	س	و	ف	غ	د	ذ
ج	ل	و	ا	و	ق	ر	ث	ك	ق
ه	ا	ن	د	د	س	ي	ا	ت	ي
ش	ء	ي	ر	و	ت	ت	ي	ه	ا
و	ك	ك	ل	ا	ث	م	م	ج	م
ق	ة	ن	ه	ع	ا	م	ا	ر	ة
ض	ل	خ	و	ش	ي	و	ن	ة	ت
ا	ي	ا	ج	ر	ف	د	ا	ه	س
ء	ئ	ن	س	ل	ا	ب	م	ف	م

ایمان
فرچای
الله
ملائكة
کتاب
رسول
قيامة
قضاء
قدر
قمبالسن







Jawapan Keluaran
Bil. 40

ت	ذ	م	ا	ل	ف	ج	م	س	ه
ز	ر	ع	ع	و	ا	م	ن	م	و
ض	ش	ق	ت	ل	ا	ي	و	ن	ب
د	ت	ا	ي	م	ب	ا	ن	ك	ب
ه	س	د	ب	ض	س	ر	ي	ي	ر
ج	ر	م	ت	ا	ر	ل	ك	ع	ي
ن	ن	ج	ع	ر	ا	ن	ي	و	ل
ب	ك	ج	ع	ر	ا	ن	ي	ش	ت
ت	ة	د	ي	و	ي	س	ت	و	ل
س	ه	ا	ر	د	س	ي	م	ي	ج



Gambar Tersembunyi

Auladuna Bil.41



IKAN

BOLA

BUNGA

GULA-GULA

DAUN


PISANG

HURUF A

PEMBARIS
SEGI TIGA

Teka Silang Kata

Auladuna Bil.41



MENDATAR


- 1) Al-Qur'an diturunkan kepada Nabi
- 2) Orang baik dibalas
- 3) Malaikat dijadikan daripada
- 4) Membaca al-Qur'an dapat
- 5) Percaya kepada Allah adalah salah satu rukun

MENURUN

- 1) Rasul diutus untuk menyampaikan Allah.
- 2) Rukun iman yang kedua percaya kepada
- 3) Kita wajib percaya adanya qadha dan
- 4) Hari kiamat adalah hari
- 5) Rukun iman yang ke empat percaya kepada



JAWAPAN KELUARAN BIL. 40





RUKUN IMAN

Percaya kepada Allah *Subhanahu wa Ta’ala*.

1 Percaya bahawa Allah itu wujud.

Mengakui tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah.

Mengerjakan segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya.

Percaya kepada malaikat.

2 Mempercayai malaikat itu wujud.

Mengetahui sekurang-kurangnya 10 malaikat yang wajib diketahui berserta tugas-tugasnya.

Percaya kepada kitab-kitab Allah.

3 Kitab Zabur kepada Nabi Daud.

Kitab Taurat kepada Nabi Musa.

Kitab Injil kepada Nabi Isa.

Al-Qur'an kepada Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wa sallam*.

Percaya kepada nabi dan rasul-rasul Allah.

4 Mengetahui sekurang-kurangnya 25 nabi dan rasul yang wajib diketahui. Meyakini dan mempercayai ajaran-ajaran yang disampaikan oleh para nabi dan rasul Allah.

Percaya kepada hari kiamat.

5 Mempercayai ketibaan hari pembalasan.

Meyakini bahawa seluruh alam termasuk dunia dan seisinya akan mengalami kehancuran bila tibanya hari kiamat.

Percaya kepada qadha' dan qadar.

6 Mempercayai takdir yang telah ditetapkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Mempercayai qadha' iaitu ketetapan takdir yang telah tertulis bagi setiap manusia sebelum dilahirkan.

Mempercayai qadar iaitu ketentuan atau kepastian yang telah ditetapkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* termasuk perkara yang sedang terjadi ataupun yang akan berlaku.

Doa Menziarahi Orang Sakit

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ،
أَنْ يُعَافِيَكَ وَيَشْفِيَكَ

Ertinya:

Aku memohon kepada Allah yang Maha Agung, Tuhan bagi 'arasy yang agung, semoga Dia memberimu kesembuhan.

